Jabatan Adat Istiadat Negara
Jabatan Perdana Menteri

# KEPENTINGAN BAHASA DALAM

oleh
Mohammad Khairol Nazwan bin Haji Karim
Pegawai Penyelidik

# Kandungan

*Pengisian yang termuat*

1. Pengenalan
2. Apa Itu Bahasa Dalam?
3. Kepentingan Bahasa Dalam
4. Keindahan Bahasa Dalam

# 1 Pengenalan

Bahasa

alat (*tools*) untuk berkomunikasi dan berinteraksi

mewujudkan hubungan atau merosakkan hubungan

Kita sebagai pengguna bahasa

harus bijak menggunakannya

# 1 Pengenalan

*Bahasa Identiti Bangsa*

Lambang keperibadiaan sesuatu bangsa



# 1 Pengenalan

*"Adat Istiadat adalah mustahak dielokkan, dipermolekkan, laila dikembangkan dan untuk pada mengharumkan atau melailakan negeri istiadat ini."*

Satu Amanat

Warisan Khazanah Bangsa

(Sabda Al-Marhum Begawan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei Ke-28, sempena dengan Kursus Wazir-Wazir, Cheteria-Cheteria, dan Manteri-Manteri termasuk Manteri-Manteri Pendalaman Kali Yang Pertama pada 25 Rabiulawal 1388 bersamaan 22 Jun 1968, di Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah, Bandar Brunei)

# 1 Pengenalan

Bahasa

menjadi ukuran / sukat-sukat menilai darjah budi (bahasa, pekerti & bicara) termasuk perilaku seseorang

kesopanan berbahasa dijadikan sandaran menilik asal usul keturunan

# 2 Apa Itu Bahasa Dalam?

Bahasa Dalam – Bahasa Raja-Raja / Bahasa Istana

Orang bijak / fasih berbahasa Dalam - orang yang pandai beraja-raja dan golongan yang rapit/rapat dengan Kerabat Diraja

Digunakan Pembesar Negara (Pembesar Diraja dan Pembesar Kerajaan)

Bukan sahaja terdiri daripada perkataan-perkataan khusus tetapi merupakan susunan bahasa yang indah diucapkan dengan nada menurun, lembut, sopan dan hormat serta mengandungi makna yang mendalam.

# 2 Apa Itu Bahasa Dalam?

Seluruh penduduk dan rakyat Brunei

Jangan terpengaruh dengan cara Barat

MIB itu pakaian kita (usianya lebih 600 tahun)

"... *Akhirnya, kepada semua termasuk pihak perhubungan, pelancongan, belia dan sukan serta luar negeri, luruskanlah tujuan masing-masing. Jangan bengok-bengkok. Tiada gunanya memilih jalan lain dari jalan kita yang sedia ada. Jalan kita ini sudah cukup, kalau ia diikut, Insya Allah kita selamat ...*"

(Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Persidangan Khas Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet, pada 21 Jamadilawal 1439 bersamaan 07 Februari 2018, di Istana Nurul Iman)

# 2 Apa Itu Bahasa Dalam?

*"... Beta ragu selama ini kita mungkin sahaja salah pasang 'skru' makanya kita mesti mencari apa yang salah itu dan membetulkannya ..."*

(Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Permesyuaratan Ke-14 Majlis Mesyuarat Negara, pada 17 Jamadilakhir 1439 bersamaan 05 Mac 2018, di Bangunan Dewan Majlis)

# 3 Kepentingan Bahasa Dalam?



# 3 Kepentingan Bahasa Dalam?

**Struktur masyarakat Brunei boleh dibahagikan kepada beberapa kelompok kecil:**

- Kerabat Diraja
- Pengiran-Pengiran
- Keturunan Ampuan
- Orang Bergelar
- Dato atau Datin
- Awang-Awang
- Orang Kebanyakan

# 4 Keindahan Bahasa Dalam

| | | | |
|---|---|---|---|
| Bahasa Tingkat Tinggi | Bersantun & Berkias | Simbol Kemuliaan | Menutup Kelemahan |
| Berkolokasi | Kata Beralas | Bernada Usulan & Cadangan | Simbolik & Perlambangan |

# 4 Keindahan Bahasa Dalam

## Bahasa Tingkat Tinggi

Bukan sahaja digunakan di kalangan golongan bangsawan (Kerabat Diraja dan Pembesar Diraja) tetapi juga digunakan dalam pengurusan pentadbiran negara

Sebahagian Pembesar Kerajaan juga adalah Pembesar Diraja

# 4 Keindahan Bahasa Dalam

## Bersantun & Berkias

Bahasa halus & penuh kesopanan

Bukan diucapkan dengan emosi

Berkias & memiliki makna mendalam (menyindir dengan baik)

Penuh Berhemah

*"... Di antara tanda-tanda pemimpin mabuk kuasa itu adalah licik mengatuk rancangan atau strategi bagi kepentingan sendiri seperti mengamalkan kronisme dan nepotisme untuk mengukuhkan kedudukan dan kuasa ..."*

(Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Persidangan Khas Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet, pada 21 Jamadilawal 1439 bersamaan 07 Februari 2018, di Istana Nurul Iman)

# 4 Keindahan Bahasa Dalam

## Simbol Kemuliaan

Biasanya digunakan oleh masyarakat atasan kerena mereka sentiasa bergaul dan berdamping dengan Kerabat Diraja

Makna Bahasa Dalam itu berpadanan sebagai ucapan yang diluahkan oleh orang-orang yang berasal dan mempunyai keluhuran akal budi serta pekerti mulia

Sebilangan masyarakat yang mahir berbahasa Dalam tinggal di sepanjang Sungai Brunei (Kampong Ayer) dan ada Istana sebagai pusat pemerintahan negara

Semua perlu menyanjung tinggi kedaulatan Raja dan mempamerkan budaya orang berbangsa

# 4 Keindahan Bahasa Dalam

*"... Untuk akhirnya, Beta tidak lupa merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka yang tidak lagi dilantik dalam rombakan ini di atas khidmat dan jasa mereka yang disumbangkan selama ini, semoga Allah jua yang akan membalas dengan ganjaran pahala serta kebahagiaan yang berterusan."*

(Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai Rombakan dan Perlantikan Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-Timbalan Menteri Yang Baharu, pada 13 Jamadilawal 1439 bersamaan 30 Januari 2018)

## Menutup Kelemahan

Berkias & Makna mendalam

Tidak menyinggung perasaan tetapi menjalinkan hubungan mesra dan persefahaman di kalangan ahli masyarakat

# 4 Keindahan Bahasa Dalam

## Berkolokasi

sebagai bahasa yang bersifat lembut, santun dan hormat, terdapat beberapa perkataan khusus bagi merujuk sifat, perbuatan dan nama pihak tertentu.

**Titah**

- Percakapan/perintah yang dititahkan oleh Sultan dan Raja Isteri.

**Sabda**

- Percakapan/perintah yang disabdakan oleh Duli Pengiran Muda Mahkota, Putera-Putera Sultan, Duli-Duli Wazir, Puteri-Puteri Sultan dan Pengiran-Pengiran Cheteria.

**Lindung**

- Kembalinya kerahmatullah bagi Sultan.

**Perkataan-perkataan lain**

- Mangkat, bersiram, santap, berpuspa, berangkat, diarak, disampiri, diangkat, disampiri dan sebagainya.

# 4 Keindahan Bahasa Dalam

## Kata Beralas

Kata-kata pengalas atau pendahuluan sebelum menyampaikan isi percakapan

*"... Ampun Beribu Ampun ... Beribu Ampun ... Munkan Ampun ... Mun inda menjadi kemurkaan ..."*

Menunjukkan kehalusan dan kesopanan

(tidak sembarana atau tekujuh-kujuh)

# 4 Keindahan Bahasa Dalam

## Bernada usulan & Cadangan

Sebagai bahasa lembut, santun dan sopan yang menjaga perasaan lawan bicara serta mempamerkan kemuliaan keperibadian penutur, setiap ucapan dan kata-kata Bahasa Dalam adalah mengarah kepada nada yang bercirikan usulan dan cadangan

Contoh : 'Bisai tah'

# 4 Keindahan Bahasa Dalam

## Simbolik & Perlambangan

Banyak perkataan Bahasa Dalam tidak menunjukkan langsung merujuk kepada apa yang berlaku dan dilakukan.

### Berangkat

- Adalah tidak mudah atau sewenang-sewangnya seorang Raja itu untuk terdedah atau mudah dilihat ke mana-mana.
- Apabila seorang Kerabat Diraja itu hendak pergi ke satu tempat dia seolah-olah perlu melakukan tugas yang berat, dan persiapannya hendaklah lengkap.

### Bersiram

- Penanda ketika Kerabat Diraja itu sedang mandi.
- Batang tubuh Kerabat Diraja adalah umpama bunga yang disayangi dan dijaga dengan penuh perhatian.
- Tatakala membasahkan tubuhnya perlulah dilakukan secara menyiram iaitu menjirus dengan cermat.

# Sesi Soal Jawab

# Keterangan Lanjut

Bahagian Pemberigaan,
Jabatan Adat Istiadat Negara,
Bandar Seri Begawan, BS8610,
Negara Brunei Darussalam

www.adat-istiadat.gov.bn Jabatan Adat Istiadat Negara

nazwan.karim@adat-istiadat.gov.bn

2243971/2243972/2243973

2242291/2227548

Buku Bahasa Dalam

# Sekian
# Terima Kasih